

Tubuh koperasi dalam industri kilang

Angkasa sedia bantu pentadbiran kilang di Malaysia

WAN MOHD NOOR HAFIZ
WAN MANSOR

ALOR SETAR

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bersedia membantu pentadbiran kilang di Malaysia untuk menubuhkan koperasi bagi menjaga kebajikan pekerja.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, penubuhan koperasi mampu mengurangkan kos sara hidup pekerja dan secara tidak langsung menjadi motivasi untuk bekerja dengan lebih baik.

Menurutnya, koperasi turut membantu aspek kebajikan pekerja termasuk mengurus taska, kedai runcit, kelas tuisyen dan pengangkutan kepada nak yang bersekolah, selain menyediakan pinjaman peribadi.

"Koperasi yang



Mukhriz (dua dari kanan) bersama Abdul Fattah (dua dari kiri) menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Mohamad dan Pengerusi Koperasi Kakitangan Kumpulan Syarikat Dr Azizan Kedah, Jamaluddin Mat Plah (kiri) pada majlis perasmian bangunan Angkasa Negeri Kedah di Alor Setar semalam.

ditubuhkan dalam industri kilang di negara ini sangat kecil dan Angkasa sarankan mereka menubuhkan koperasi bagi setiap kilang yang besar untuk menjaga kebajikan pekerja," katanya pada sidang akhbar selepas mengiringi Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir merasmikan bangunan Angkasa Negeri Kedah di sini semalam.

Hadir sama, Naib Presiden Angkasa, Datuk Mohamad Ali Hasan dan Pengerusi Angkasa Kedah, Wan Ibrahim Wan Jusoh.

Beliau dalam ucapannya sebelum itu berkata, pemilikan bangunan komersial adalah antara aktiviti pelaburan yang digalakkan di bawah sektor pembangunan hartanah dan industri binaan yang difokuskan koperasi.

Menurutnya, pada 2018 sebanyak 560 koperasi terlibat dalam sektor pembinaan dan perumahan dengan syer sebanyak RM239.19 juta melibatkan aset berjumlah RM1.272 bilion dan menyumbang perolehan sebanyak

RM254.23 juta.

"Berdasarkan pencapaian, lebih 1,000 koperasi berjaya memiliki bangunan komersial dan kediaman. Pembelian bangunan oleh koperasi meningkat 37 peratus.

"Bagi tempoh lima tahun akan datang menjelang 2020, pemilikan bangunan komersial koperasi disasarkan mencecah RM2.10 bilion. Jangkaan ini berdasarkan pertumbuhan ekonomi negara antara lima hingga enam peratus," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA